

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MENYAMPAIKAN HADIAH ANJURAN KONG-
RES KEBANGSAAN GURU-GURU MALAYSIA
DI DEWAN SEKOLAH MENENGAH ATAS
PEREMPUAN METHODIST, KUALA LUMPUR
PADA 12HB JUN, 1971

Tuan Yang Dipertua, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas jemputan tuan-tuan untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan yang dianjurkan oleh Kongres ini, bersempena dengan Minggu Muhibbah di Sekolah-sekolah tidak lama dahulu.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Dipertua tuan-tuan tadi, peraduan ini yang meliputi tiga bidang kreatif atas tema Muhibbah dan Perpaduan, telah mendapat sambutan yang agak memuaskan. Saya mengambil peluang ini menyatakan tahniah dan pujian kepada tuan-tuan atas usaha yang membina itu serta menyokong kegiatan-kegiatan Kerajaan memupuk perasaan muhibbah dan perpaduan di kalangan kanak-kanak.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pada beberapa kesempatan sebelum ini, saya telah berterus terang menyatakan tentang masalah-masalah yang rumit dan cabaran-cabaran yang kita hadapi dalam tahun-tahun tujuh puluhan ini. Saya percaya selagi ada perpaduan di kalangan rakyat dan keyakinan pada kebolehan kita, masalah ini akan dapat kita atasi dengan berjaya.

Dengan kerana itulah saya fikirkan mustahak langkah-langkah dan usaha-usaha mencapai perpaduan serta perasaan harmoni dalam negara diperkembangkan. Ini adalah antara tugas-tugas yang saya harap dapat dibantu oleh Majlis Perpaduan Negara. Saya suka menyatakan penghargaan dua orang tokoh pendidik terkemuka dalam Kongres ini iaitu Puan F. R. Bhupalan dan Tuan Haji Ahmad bin Abdul Rahman yang sudi memberikan khidmat mereka dalam Majlis ini. Menerusi kedua-dua pemimpin itu, saya harap kaum guru akan menyuarakan pandangan-pandangan mereka untuk mencapai matlamat perpaduan negara.

Tanggungjawab guru dalam persediaan menghadapi cabaran-cabaran masa depan adalah semakin berat. Saya ingin melihat tuan-tuan samada guru-guru sekolah menengah mahu pun sekolah rendah, masing-masing menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan sempurna. Sebagai pendidik dan pembimbing, di tangan tuan-tuanlah terletak nasib anak-anak kita semasa mereka di bangku sekolah, sekurang-kurangnya sebelas tahun dalam awal-awal kehidupan mereka.

Menurut projection untuk tempuh lima tahun 1971-1975 ini, seramai hampir-hampir dua juta kanak-kanak akan memasuki sekolah buat pertama kali dan seramai 800,000 lagi akan meningkat dari sekolah rendah ke sekolah-sekolah menengah. Angka-angka ini menunjukkan kemajuan yang begitu pesat di bidang pelajaran yang dapat kita banggakan.

Tetapi, satu masalah besar yang kita hadapi ialah tentang banyaknya drop-outs pada peringkat sekolah rendah, terutama di kalangan kanak-kanak dalam kawasan luar bandar. Kerajaan sedar mustahaknya masalah ini diatasi dan telahpun mengambil langkah-langkah yang tegas iaitu mengadakan peruntukan bantuan untuk buku-buku teks dan sebagainya dan di samping itu menyedarkan pihak ibu-bapa tentang tanggungjawab mereka terhadap pelajaran anak-anak.

Adalah diharapkan dengan langkah-langkah itu bilangan drop-outs akan dapat diturunkan dan kanak-kanak itu sekurang-kurangnya akan dapat meneruskan persekolahan mereka hingga ke tingkatan tiga. Selepas itu sebilangan besar dari mereka akan disalurkan pula ke jurusan-jurusan vokesynel dan teknikal dan dengan demikian memberikan mereka persediaan-persediaan yang patut bagi memasuki pasaran buruh—labour market—untuk mencari pekerjaan dan memulakan tapak kehidupan.

Saya percaya tuan-tuan semua sebagai guru-guru yang dedicated to the profession turut merasakan tanggungjawab mengenai hal ini. Saya meminta supaya tuan-tuan menaruh perhatian yang berat ke arah usaha-suaha bagi menurunkan bilangan drop-outs ini setakat yang disebabkan oleh faktor-faktor pelajaran. Menerusi "Parent-Teacher Associations" ibu-ibu bapa mesti dipimpin tentang mustahaknya pelajaran anak-anak mereka selepas waktu sekolah. Hasrat kita ingin melihat supaya jenerasi masa depan mempunyai

peluang yang sama dan dapat bersaing untuk mencapai taraf kemajuan yang lebih tinggi.

Begitu juga, saya berharap tuan-tuan baik perseorangan ataupun sebagai Kongres Kebangsaan Guru-guru, akan berusaha terus meninggikan mutu pengajaran di sekolah-sekolah. Kerajaan telahpun bertindak menyesuaikan educational planning dengan kehendak-kehendak dan keperluan manpower pada semua bidang. Matlamat kita ialah hendak mengubah secara beransur-ansur corak masyarakat traditional supaya bertukar menjadi masyarakat yang technology-oriented dan sanggup menerima cara-cara hidup baru dalam semua lapangan.

Di bidang pertanian, umpamanya, kita ingin melihat perubahan-perubahan yang sewajar dengan konsep progresif dan moden. Begitu juga matlamat restructuring society supaya dalam masa puluhan tahun akan datang ini, sekurang-kurangnya 30% dari masyarakat perdagangan dan perindustrian pada setiap peringkat, kecil dan besar, terdiri dari orang-orang Melayu dan Bumiputra.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya suka mengulangi lagi pesanan semasa melancarkan Minggu Muhibbah di sekolah-sekolah iaitu supaya anak-anak kita sentiasa berpandu kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Ajaran ini hendaklah benar-benar meresap dalam hati sanubari, sehingga menjadi amalan hidup buat selama-lamanya. Dalam hubungan ini, tuan-tuan seharusnya memberikan leadership dan guidance dengan mengamalkan sendiri Rukun Negara itu. Usaha-usaha seperti peraduan dan sebagainya elok diteruskan kerana ini juga menggalakkan anak-anak kita memahami dengan mendalam ajaran Rukun Negara itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekianlah ucapan saya dan sekali lagi saya ucapkan semuga Kongres Kebangsaan ini akan menemui kejayaan dalam langkah usahanya di masa hadapan.